

**NO. SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7186**

**SOALAN:**

Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan polis ke dalam laporan polis oleh "Dayak National Congress" atas cetakan facebook pada halaman "JIM - Jemaah ISIS Malaysia" yang menyeru penyembelihan orang Dayak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Laporan yang dibuat oleh “Dayak National Congress” atas cetakan *Facebook* pada halaman "JIM - Jemaah ISIS Malaysia" yang menyeru penyembelihan orang Dayak masih dalam siasatan pihak polis. Kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948. Setakat ini terdapat 25 laporan polis dibuat oleh orang ramai terhadap akaun *Facebook* ini. Pihak polis menjalankan siasatan untuk mengesan dan menangkap suspek apabila pemilik akaun telah dikenalpasti.**